



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN  
SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024**

**25 MEI 2024 (SABTU)**

**8.00 MALAM**

**PUSAT BELI BELAH ANGSANA MALL, JOHOR BAHRU**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

*Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

## **SAMBUTAN MNGGU PERPADUAN**

1. Sesungguhnya kita semua berasa amat bertuah atas **kehadiran YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri** untuk merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan pada kali ini.
2. Bagi menyokong aspirasi Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Kerangka Membangun Malaysia MADANI** melalui **konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian** bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih berpandukan Dasar Perpaduan Negara.
3. Pada tahun lepas, **Kementerian telah memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** adalah **program flagship** yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional yang **merangkumi tiga kluster utama** iaitu **Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah.**

4. **Sambutan Minggu Perpaduan** ialah salah satu program utama yang dirancang di bawah kluster **Semarak Perpaduan** dengan matlamat untuk menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia.
5. Untuk makluman semua, sambutan pada tahun ini adalah yang kedua selepas **penganjuran buat julung kalinya di Kuching, Sarawak pada tahun lalu**. Sambutan tersebut telah diperkenan dan dirasmikan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16.
6. **Pengisian utama program adalah berbentuk kenegaraan, kebudayaan, kesenian dan warisan** melalui pelbagai mekanisme seperti interaksi dan jalinan hubungan sosial secara berterusan pada peringkat “inter” dan “intra” etnik dengan penuh berhemah. Justeru ianya dapat menggalakkan persefahaman, toleransi, hormat-menghormati antara masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

Hadirin yang saya kasihi sekalian

### **JELAJAH KEMBARA PERPADUAN**

7. Bagi menyebarkan dan menyemarakkan lagi promosi SMP, pada tahun ini Kementerian turut mengambil langkah untuk menganjurkan **siri Jelajah Kembara Perpaduan dengan menjadikan Negeri Sabah sebagai lokasi pertama jelajahnya bersama-sama dengan Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan.**
  
8. Negeri Sabah sebagai lokasi pertama, diikuti **Negeri Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Negeri Terengganu, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Negeri Johor telah dipilih menjadi lokasi Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan.**
  
9. Kementerian berharap agar **Jelajah Kembara Perpaduan dapat menyemarakkan semangat patriotik, taat setia dan perasaan cintakan negara dengan memahami dan menghayati Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara** bagi membentuk warganegara yang bertanggungjawab, bertoleransi serta mempunyai jati diri yang kukuh.

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

## **PERPADUAN DI MALAYSIA**

10. **Perpaduan seharusnya menjadi cara hidup dan amalan semua.** Ianya bukan rekayasa yang hanya indah di atas kertas dan bait lagu sahaja. Perpaduan adalah asas utama yang berupaya menguatkan seluruh rakyat Malaysia menjadi anak watan dengan semangat jati diri yang tinggi.
11. Sesungguhnya, setiap apa yang kita laksanakan pada hari ini adalah suatu pelaburan yang sangat besar bagi generasi mendatang. **Usaha ini memperlihatkan semua masyarakat termasuk pemimpin perlu senada menanam pohon-pohon perpaduan.**
12. Sehubungan dengan itu, **Kementerian Perpaduan Negara sentiasa komited dalam mengukuhkan semangat perpaduan, kenegaraan, kebersamaan, muhibbah dan kesukarelawan** dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang etnik, agama dan budaya.

13. Bagi tujuan tersebut, **pada tahun 2023 Kementerian telah berjaya melaksanakan sebanyak 661 program** melalui agensinya iaitu :

- I. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional**
- II. Jabatan Muzium Malaysia**
- III. Arkib Negara Malaysia**
- IV. Perpustakaan Negara Malaysia**
- V. Yayasan Sukarelawan Siswa**
- VI. Yayasan Tunku Abdul Rahman**
- VII. Yayasan Tun Abdul Razak**

14. Pada tahun ini, Kementerian akan meneruskan segala usaha dan inisiatif bagi memperkukuh perpaduan negara. Antara usaha yang akan diberikan fokus adalah:

**I. Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif**

Tahun ini, fokus utama Kementerian ialah untuk menggerakkan inisiatif **Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif**. Sehingga kini, terdapat lebih **300 Rukun Tetangga (RT)** melaksanakan aktiviti ekonomi yang merangkumi projek **pertanian (kebuniti), penghasilan produk makanan, minuman,**

**kesihatan, kraftangan, perkhidmatan katering, dan *Community Based Tourism* (CBT).**

Bagi **Fasa 1** terdapat **116 buah RT** di seluruh negara telah pun dikenal pasti untuk dijadikan Model RT Progresif. RT Progresif ini dijangkakan akan memacu kecemerlangan dalam khidmat komuniti dan kerja kemasyarakatan melalui lapan (8) bidang tumpuan yang merangkumi:

- i. Ekonomi dan Sara Hidup;
- ii. Keselamatan dan Ketahanan Komuniti;
- iii. Kepimpinan;
- iv. Kesejahteraan Komuniti;
- v. Pembelajaran Sepanjang Hayat;
- vi. Alam Sekitar;
- vii. Warisan dan Budaya; dan
- viii. Daya Cipta.

Sehubungan dengan itu, saya memohon jasa baik **YAB Perdana Menteri** dapat mempertimbangkan peruntukan khas melalui **Dana Komuniti Madani** bagi tujuan pemerkasaan dan projek ekonomi Rukun Tetangga.

## **II. Meremajakan Skim Rondaan Sukarela**

## **III. Mengangkasa Mediator Komuniti**

Kementerian mempunyai seramai **562 orang Mediator Komuniti** bertauliah yang bersedia untuk memberikan perkhidmatan mengurus kes-kes pertikaian di peringkat komuniti khususnya dalam hal-hal yang melibatkan jiran tetangga secara percuma. Skop perkhidmatan mereka ini tertakluk kepada isu-isu yang menyebabkan ketegangan antara kejiranan perumahan bandar, kampung mahupun di kawasan strata.

Tahun ini, Kementerian akan memperluaskan perkhidmatan mediasi melalui penubuhan **Pusat Mediasi Komuniti di negeri Perlis, Melaka & Putrajaya**. Kementerian akan mengkaji untuk **mewujudkan satu badan akreditasi Mediator Komuniti** untuk meningkatkan tahap profesionalisme

## **IV. Penghayatan Rukun Negara** (Eksplorasi Rukun Negara, membangunkan Pelan Tindakan Pendidikan dan Penghayatan Rukun Negara, Syor Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan



Persekutuan, Lafaz Ikrar Rukun Negara peringkat Dewan Undangan Negeri, Simposium Pendidikan Rukun Negara, Konvensyen Sekretariat Rukun Negara)

**V. Penyuburan minat terhadap khazanah warisan negara** (11 Program Citra Nusa Muzium, Siri Jelajah Bicara Bahasa Kolokial, Program Arkib Komuniti & Karnival Membaca Kebangsaan)

**VI. Meningkatkan keharmonian antara penganut agama**

Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan menjayakan **Inisiatif Harmoni MADANI** dengan tujuan memperkukuhkan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum mahupun berbeza anutan agama dan kepercayaan agar dapat hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni. Sehubungan dengan itu, kementerian telah merancang pelaksanaan untuk mengetengahkan **tujuh (7) program utama** di bawah inisiatif ini iaitu:

- (i) Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (World Interfaith Harmoni Week);
- (ii) Podcast: Bicara Harmoni;

- (iii) Interfaith Dialogue atau Dialog Harmoni;
- (iv) Jejak Harmoni;
- (v) Dokumentari Harmoni;
- (vi) Seminar Tokoh Pelbagai Agama;
- (vii) Wacana Memupuk Perpaduan dalam kalangan Penganut Pelbagai Agama

**VII. Melahirkan pemimpin sukarelawan siswa ( 7 misi sukarelawan siswa, Duta Perpaduan dari kalangan belia & membangunkan Dasar Sukarelawan Nasional)**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

## **PENUTUP**

15. **Keharmonian perlu dipelihara, dipupuk dan diterapkan dalam diri bermula daripada diri sendiri dan kemudian diwariskan kepada generasi seterusnya.** Kita semua perlu ingat, setiap daripada kita bertanggungjawab dan berperanan dalam menjaga keharmonian, kedaulatan, keamanan dan keselamatan negara yang dicintai.

16. Saya berharap agar semua pihak dapat menghayati prinsip **FAHAM, HORMAT dan TERIMA** dalam memupuk keharmonian dan kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia.
  
17. Sebagai penutup, saya dengan penuh rasa rendah diri dan syukur, mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Sambutan Minggu Perpaduan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.